

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN**  
**PROGRAM PENJADUALAN/ PENSTRUKTURAN SEMULA**

Program Penjadualan/Penstrukturaran Semula dapat membantu pelanggan menguruskan bayaran pembiayaan dan menjadikan ansuran bulanan lebih berpatutan. Ianya dapat membantu pelanggan mendapatkan semula kawalan kewangan untuk kehidupan yang lebih baik bersama.

No	Soalan	Jawapan
1.	Apakah definisi Program Penjadualan/ Penstrukturaran Semula?	<p>Program Penjadualan/Penstrukturaran Semula adalah satu program penyusunan bayaran ansuran bulanan pembiayaan dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Bank kepada pelanggan yang terjejas dari segi kewangan.</p> <p><b>Penjadualan Semula:</b> <u>Mengubah syarat pembayaran</u> tanpa mengubah terma dan syarat utama kemudahan Pembiayaan.</p> <p>Melibatkan <u>pengurangan bayaran ansuran bulanan</u> dan lanjutan tempoh Pembiayaan (jika berkenaan).</p> <p><b>Penstrukturaran Semula:</b> <u>Pengubahsuaian dalam terma dan syarat utama</u> kemudahan Pembiayaan dan ianya memerlukan perjanjian baharu (aqad). Melibatkan <u>perubahan ketara pada terma dan syarat</u> kemudahan Pembiayaan secara menyeluruh. Ia juga melibatkan harga jualan baharu dan dokumentasi perjanjian baharu.</p> <p>Nota : Permohonan untuk program ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Bank.</p>
2.	Apakah objektif Program Penjadualan/ Penstrukturaran Semula?	Objektif Program Penjadualan/ Penstrukturaran Semula adalah untuk membantu dan memberi sedikit kelegaan kepada pelanggan yang sedang menghadapi kekangan kewangan dalam meneruskan bayaran ansuran bulanan. Secara tidak langsung dapat mengurus kewangan mereka dengan lebih baik sesuai dengan keadaan kewangan semasa.
3.	Apakah pra-syarat untuk memohon Penjadualan/ Penstrukturaran Semula?	<p>Pra-syarat untuk memohon Penjadualan/Penstrukturaran Semula adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua jenis Pembiayaan individu;</li> <li>• Pendapatan terjejas (contoh: gaji berkurangan/ hilang punca pendapatan asal yang dianggap masih berkemampuan untuk melakukan bayaran ansuran apabila dijadual semula).</li> <li>• Pelanggan yang tidak dikategorikan sebagai bankrap;</li> <li>• Akaun pembiayaan pelanggan tidak dikategorikan sebagai akaun Penjadualan semula di bawah program AKPK.</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan																		
4.	<p>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Penjadualan/ Penstrukturan Semula?</p> <p>Bagaimana untuk memohon dan menyertai program ini?</p>	<p>Dokumen yang diperlukan untuk permohonan Program Penjadualan/ Penstrukturan Semula adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Salinan kad pengenalan</b> pelanggan/ pelanggan bersama/ penjamin (jika ada);</li> <li>2. <b>Borang Permohonan Penjadualan Semula (Lampiran 1)</b> yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pelanggan dan/ atau Permohonan bertulis daripada pelanggan serta;</li> <li>3. <b>Dokumen sokongan bagi pengesahan pendapatan</b> yang diperlukan: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) <b>Pendapatan tetap (bergaji);</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <u>Penyata gaji</u> pelanggan untuk 3 bulan terkini (suami / isteri - jika berkaitan/ pelanggan bersama); atau</li> <li>ii. Surat pengesahan daripada majikan;</li> </ol> </li> <li>b) <b>Pendapatan tidak tetap (bekerja sendiri/berniaga);</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <u>Penyata Bank</u> untuk 3 bulan terkini; atau</li> <li>ii. Surat akuan berkanun/bersumpah (<b>Lampiran 2</b>) yang menyatakan pelanggan bekerja sendiri (bagi yang tiada penyata gaji dan penyata Bank).</li> </ol> </li> </ol> </li> <li>4. Sila hantar borang yang telah lengkap berserta dokumen sokongan ke: <a href="mailto:bantuanbayaran@muamalat.com.my">bantuanbayaran@muamalat.com.my</a></li> </ol> <table border="1" data-bbox="630 1087 1386 1335"> <thead> <tr> <th>No</th> <th>Senarai semak dokumen</th> <th>(X)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Salinan Kad Pengenalan Pelanggan/ Pelanggan Bersama/ Penjamin</td> <td></td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Lampiran 1 - Borang Permohonan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Slip Gaji / Penyata Bank - 3 bulan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Lampiran 2 - Surat Akuan Berkanun/ Bersumpah (bagi yang tiada penyata gaji atau penyata Bank)</td> <td></td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Dokumen sokongan yang berkaitan (jika berkenaan)</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	No	Senarai semak dokumen	(X)	1	Salinan Kad Pengenalan Pelanggan/ Pelanggan Bersama/ Penjamin		2	Lampiran 1 - Borang Permohonan		3	Slip Gaji / Penyata Bank - 3 bulan		4	Lampiran 2 - Surat Akuan Berkanun/ Bersumpah (bagi yang tiada penyata gaji atau penyata Bank)		5	Dokumen sokongan yang berkaitan (jika berkenaan)	
No	Senarai semak dokumen	(X)																		
1	Salinan Kad Pengenalan Pelanggan/ Pelanggan Bersama/ Penjamin																			
2	Lampiran 1 - Borang Permohonan																			
3	Slip Gaji / Penyata Bank - 3 bulan																			
4	Lampiran 2 - Surat Akuan Berkanun/ Bersumpah (bagi yang tiada penyata gaji atau penyata Bank)																			
5	Dokumen sokongan yang berkaitan (jika berkenaan)																			
5.	<p>Bagaimanakah dengan status permohonan yang tidak lengkap?</p>	<p>Kegagalan mengemukakan permohonan atau maklumat tidak lengkap boleh menyebabkan kelewatan pemprosesan dan/atau permohonan pelanggan ditolak atau dibatalkan selepas 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen.</p>																		
6.	<p>Bagaimanakah sekiranya pelanggan <b>tidak</b> memenuhi syarat-syarat kelayakan atau permohonan tidak berjaya</p>	<p>Sebagai alternatif, pelanggan boleh berhubung terus dengan pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mendapatkan bantuan pembayaran selanjutnya. AKPK telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.</p> <p>Untuk membuat pertanyaan lanjut, sila hubungi talian 03-2616 7766 atau layari laman sesawang di <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a></p>																		

No	Soalan	Jawapan
7.	Apakah kesan/ akibat menyertai Program Penjadualan/ Penstrukturan Semula	<p>a) <b>Penjadualan Semula</b> - Boleh mengakibatkan baki pembiayaan akan menyusut pada kadar yang lebih perlahan berbanding jadual asal dan mungkin akan menyebabkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Peningkatan kepada jumlah keseluruhan bayaran dan jumlah keseluruhan kos pembiayaan. Bagaimanapun kos keseluruhan pembiayaan tidak akan melebihi harga jualan; dan/atau</li> <li>b) Baki bayaran akan terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan yang perlu dibayar sekali gus; dan/atau</li> <li>c) Jumlah keuntungan terakru dan caj lewat bayar (jika terpakai) bagi pembiayaan asal perlu dibayar pada masa hadapan dan jumlah ini tidak akan diambil kira dalam pengiraan keuntungan yang baharu;</li> <li>d) Bayaran seterusnya akan digunakan untuk menjelaskan baki keuntungan terakru terlebih dahulu. Selepas itu, agihan keuntungan dan prinsipal bagi bayaran bulanan akan kembali normal selepas selesai jumlah keuntungan terakru.</li> <li>e) Polisi takaful sedia ada tidak meliputi tempoh lanjutan Pembiayaan selepas menyertai program ini (jika berkenaan). Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi syarikat takaful berkenaan pelanjutan perlindungan takaful tersebut.</li> </ul> <p>b) <b>Penstrukturan Semula</b> - tidak dibenarkan untuk memasuk dan mengambil kira sebarang keuntungan terakru bagi Pembiayaan asal, sebagai amaun prinsipal yang baharu bagi Pembiayaan yang distruktur semula. Oleh itu, pihak Bank akan memastikan bahawa dalam melaksanakan Penstrukturan Semula Pembiayaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Amaun prinsipal baharu hendaklah bersamaan dengan jumlah prinsipal tertunggak pembiayaan asal (jika tidak melibatkan pembiayaan tambahan);</li> <li>b) Jumlah keuntungan terakru dan caj lewat bayar (jika berkenaan) bagi pembiayaan asal boleh ditambah kepada jumlah obligasi hutang baharu, tetapi jumlah ini tidak boleh diambil kira dalam pengiraan keuntungan yang baharu (<i>cannot be capitalised</i>).</li> </ul> <p>Sehubungan itu, Perjanjian Tambahan bagi Penjadualan Semula dan Perjanjian Baharu bagi Penstrukturan Semula ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi pihak Bank bagi membuat pelarasan terma pembayaran sedia ada (jika berkenaan) sekiranya keadaan kewangan dan kemampuan mereka bertambah baik pada masa hadapan.</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan
		<p>b) Akaun pembiayaan pelanggan akan diklasifikasikan sebagai Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) Bank Negara Malaysia (jika berkenaan).</p>
8.	Adakah terdapat sebarang kos/ caj tambahan?	<p><b>Penjadualan Semula</b> - Tiada kos tambahan dikenakan.</p> <p><b>Penstrukturan Semula</b> - Terdapat kos tambahan yang dikenakan termasuk kos bagi penyempurnaan dokumentasi perjanjian Pembiayaan baharu serta perbelanjaan lain yang berkaitan.</p> <p>Walau bagaimanapun sebarang keuntungan terakru dan caj ta'widh yang telah dikenakan tidak akan digandakan/ dikompaun selaras dengan Prinsip Syariah.</p>

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi pusat khidmat pelanggan kami di talian 03-2600 5500 atau e-mel ke [feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my) atau kunjungi cawangan kami yang berhampiran.

*Nota: Soalan lazim ini akan dikemas kini sekiranya terdapat perkembangan baharu. Sila rujuk laman sesawang [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) bagi soalan lazim yang terkini.*

